

Hudud: Naib Presiden PAS gesa elak bincang 'dasar tak mungkin' sekarang
The Malaysian Insider
23 September , 2011
Oleh G Manimaran

KUALA LUMPUR, 23 Sept — Naib Presiden PAS Salahuddin Ayub menggesa kepimpinan Pakatan Rakyat tidak membincangkan isu hukum hudud yang tidak mungkin boleh dilaksanakan sekarang, sebaliknya memberi fokus ke atas kerjasama padu menawan kerajaan pusat.

"Kita tidak perlu membincangkan perkara-perkara yang tidak mungkin boleh dilaksanakan... semua pihak kena faham perkara ini," kata beliau kepada The Malaysian Insider hari ini.

Ahli Parlimen Kubang Kerian ini berkata sekarang bukan masa yang sama kondusif untuk melaksanakan hukum hudud.

"Suasana kondusif yang saya maksudkan dari segi perundangan," katanya.

Oleh itu kata beliau, kesemua pihak seharusnya memberi tumpuan untuk menumbangkan kerajaan persekutuan pimpinan Barisan Nasional (BN).

"BN yang sudah 50 tahun tidak dapat laksanakan, kerajaan PAS di Kelantan dan juga selama setahun di Terengganu tidak dapat laksanakan disebabkan situasi yang tidak kondusif," katanya lagi.

Salahuddin (gambar) berkata perkara tersebut boleh dibincangkan selepas Pakatan Rakyat mengambil alih kerajaan pusat termasuk mengadakan referendum di kalangan rakyat untuk mendapatkan pandangan mereka.

"Kita boleh buat referendum jika diperlukan kelak untuk melihat pandangan rakyat," katanya lagi.

Semalam, Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata hukum hudud masih belum sesuai untuk dilaksanakan di negara ini.

Muhyiddin berkata, hukum Allah itu akan hanya dapat dilaksanakan sekiranya keadaan negara ini benar-benar kondusif dengan memastikan keamanan dan keadilan benar-benar wujud terlebih dahulu.

Beliau berkata sebagai negara berbilang bangsa, agama dan kepercayaan, Malaysia masih belum bersedia untuk memperkenalkan hukum hudud seperti mana yang dilaungkan oleh pemimpin PAS.

Awal pagi tadi, dua pemimpin kanan PAS mengambil tindakan segera "merawat mudarat politik" pagi ini dengan menggesa kepimpinan Pakatan Rakyat agar memberi fokus ke atas isu-isu kebajikan rakyat dan tidak terperangkap dengan serangan Umno-BN termasuk soal hukum hudud sekarang.

Ketua Penerangan PAS Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man berkata, mutakhir ini media Umno sengaja membesar-besarkan pelbagai isu bagi mengalihkan tumpuan kerja Pakatan Rakyat.

"Isu ucapan (Timbalan Presiden PAS) Mohamad Sabu, isu bendera (Jalur Gemilang), isu hudud, isu sejarah kemerdekaan merupakan antara isu-isu yang sedang sengaja diwujudkan menjelang pilihan raya umum akan datang.

"Isu sedemikian diwujudkan untuk mengalih perhatian kepada isu-isu utama yang mempunyai kesan langsung kepada keselamatan negara seperti isu warga asing yang diberi kerakyatan mudah dan penyelewengan wang rakyat dan rasuah secara besar-besaran," kata beliau dalam satu kenyataan pagi ini.

Beliau juga menggariskan terdapat banyak isu lain iaitu warga asing diberi hak mengundi, peningkatan kos hidup yang membebankan, cukai barangan dan perkhidmatan (GST) yang akan dilaksanakan selepas pilihan raya umum ke-13, undang-undang baru bakal menggantikan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Pendirian yang sama dilahirkan oleh ahli jawatankuasa kerja PAS pusat Dr Dzulkefly Ahmad yang turut menggesa pemimpin-pemimpin Pakatan Rakyat meletakkan fokus ke atas isu-isu semasa lebih penting bagi menghadapi pilihan raya umum.

Beliau memberi amaran Pakatan Rakyat akan berakhir jika pemimpin-pemimpinnya tidak berhati-hati dengan terperangkap dengan isu "tidak perlu buat masa sekarang", yang dibesarkan oleh Umno-BN sekarang.

Isu hukum hudud muncul semula susulan idea yang dibangkitkan pada Seminar Syariah Peringkat Kebangsaan di Kota Baru pada Selasa lalu.

Ia berkembang sehingga semalam apabila Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat lebih rela jika DAP mahu keluar daripada Pakatan Rakyat jika tidak bersetuju dengan pendiriannya mahu menegakkan hukum hudud dan menubuhkan negara Islam.

Nik Aziz berkata beliau akan tetap dengan pendiriannya untuk menegakkan hukum hudud dan penubuhan negara Islam walaupun mendapat tentangan hebat daripada rakan sekutunya itu.

Kata beliau, tiada sesiapa pun termasuk DAP berhak menolak hukum hudud dan penubuhan negara Islam itu selagi semua manusia menumpang di bumi Allah ini dan hukum Islam yang mahu ditegakkan itu adalah kerana ia hukum Allah, bukannya manusia.

Nik Aziz berkata demikian mengulas kenyataan Pengerusi DAP Kebangsaan Karpal Singh bahawa parti itu tetap menolak penubuhan negara Islam dan pelaksanaan hukum hudud kerana ia bertentangan sama sekali dengan Perlembagaan Persekutuan.

Tengah hari semalam, Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim secara peribadi menyokong pelaksanaan hukum hudud, tetapi katanya ia belum dibincangkan oleh Pakatan Rakyat.

Kelmarin, Nik Aziz menolak pandangan bekas mufti Perlis, Dr Mohd Asri Zainul Abidin bahawa keadaan negara ketika ini tidak kondusif untuk melaksanakan hukum hudud itu.

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/hudud-naib-presiden-pas-gesa-elak-bin-cang-dasar-tak-mungkin-sekarang/>